

# MUHAMMAD RASULULLAH SALLA ALLAH 'ALAYHI WA SALLAM

## Dan Charlamagne (Charlamagne)

Di tengah bermacam-macam tuduhan dan celaan yang dilemparkan oleh mereka yang suntuk fikiran dan taksub agama, terhadap Islam dan Rasulnya Saidina Muhammad Salla Allah 'alayhi wa sallam, terdengarlah suara dari kalangan yang sesungguhnya tidak disangka-sangka, yang amat berlainan, bahkan boleh dikatakan berlawanan sangat dengan apa yang sudah biasa didengar oleh kaum muslimin dari kalangan nasrani dan "neutral-agama" (pihak mengecualikan agama – P.) selama ini. suara itu bukanlah satu suara yang terbit dari hati yang hasad dengki, bukan pula terpengaruh oleh salah satu perasaan taksub agama, melainkan terbit dari satu penyelidikan dan pemeriksaan yang lama, teliti dan adil serta dengan keberanian menentang dan membongkar apa-apa yang selama ini dianggap oleh orang banyak sebagai satu kebenaran yang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan yang tidak mustahak dibanding lagi.

Suara itu diserukan oleh seorang yang berhak menamakan dirinya ahli, dan memang diakui demikian, iaitu Profesor Henri Pirenne, bekas profesor di Universiti di Jinnah, anggota "La Academy Royal-de Beljik", dan bukunya "Mohamed it Charlemagne" (Muhammad dan Charlemagne). Dengan membawakan alasan riwayat yang lengkap, didorong pula oleh keberaniannya mengemukakan kebenaran, profesor firin membandingkan dua orang pahlawan yang meninggalkan bekas dalam riwayat

dunia iaitu Nabi Muhammad(saw) dan carleming.

### Permulaan zaman pertengahan

Adapun yang menjadi pokok perbincangannya ialah masalah "permulaan zaman tengah". Sebagaimana kita ketahui, umum orang menganggap bahawa permulaan "zaman tengah" ialah pada masa kerajaan Rom baharu jatuh ke dalam tangan Jerman pada akhir kurun yang kelima. Semua ahli sejarah sekata tentang itu, demikian juga yang kita pelajari di bangku sekolah.

Faham inilah yang dibongkar oleh Henri Pirrene dimulainya menjawab pertanyaan: Apakah sebenarnya yang menjadi ukuran bagi menentukan batasnya "zaman purbakala" dengan "zaman tengah"? Dibentangkannya dengan jelas bahawa jatuhnya kerajaan Rom Barat ketangan bangsa Jerman tidaklah membawa perubahan-perubahan besar. Betul, ketua-ketua bangsa Jerman telah menduduki singgahsana raja-raja Rom, akan tetapi sekadar pertukaran orang yang duduk itulah hanya perubahan yang datang. Perekonomian, perdagangan, peradaban, kesenian dan keagamaan tetap seperti sedia kala.

Dengan amat tepat Profesor Perrine membandingkan kedatangan bangsa Jerman dengan kedatangan bangsa Arab. Setelah bangsa Jerman dapat menduduki singgahsana Rom, dan setelah selesai peperangan, maka bangsa yang mendapat kemenangan itu bertukar sifat dan peradabannya dengan

sifat dan peradaban bangsa yang dikalahkan, dan mereka hilanglah beransur-ansur seolah-olah dihisap oleh masyarakat Rom bagi meneruskan peradaban Rom lama itu.

“Orang Jerman menjadi Rom setelah mereka masuk ke negeri Rom, sebaliknya orang Rom menjadi ke-Araban setelah mereka ditakluk oleh Islam” – katanya.

Demikianlah perbandingan pendek tetapi tepat sekali yang diberi oleh ahli sejarah itu antara dua sifat penaklukan ini.

Dengan masuknya agama Islam, timbulah satu dunia yang baharu di sekitar laut tengah, yang terlebih dahulu daripada itu berpusat di bandar Rom sebagai pusat peradaban dan kebudayaan. Hingga ke zaman kita sekarang ini, - kata Firin lagi - , masih tetap ada perpercahan dengan masuknya Islam ke Eropah Selatan ini. Semenjak itulah Laut Tengah menjadi tempat pertemuan bagi dua kebudayaan yang berlainan dan bertentangan, sebagai pertemuan dua barisan askar peperangan di barisan hadapan.

Laut Tengah – katanya lagi – yang dahulunya menjadi pusat bagi keagamaan dan peradaban Barat, semenjak itu menjadi barisan hadapan dalam gelanggang perjuangan. Dengan kedatangan Islam, pecahlah benteng yang kukuh selama ini.

#### **Benteng agama dan keimanan**

Ada satu hal-lagi yang harus mendapat penyelidikan lebih jauh. Bangsa Jerman yang menyerbu ke negeri Rom, yang bilangannya lebih besar dari orang Islam yang telah menyerbu kemudian daripada itu, tidaklah dapat menakluki ruhani bangsa Rom itu, walaupun kekuatan jasad dan kekuatan kebendaan lain-lain ketika itu ada ditangan bangsa Jerman itu. Malah sebaliknya bangsa Jerman itulah yang ditelan oleh bangsa yang ditakluki itu (bangsa Rom).

Kenapakah bangsa Arab yang membawa agama Islam tidak

demikian halnya setelah berhadapan dengan bangsa Rom itu pertanyaan ini hanya satu jawapannya, iaitu: orang-orang Jerman masuk dengan senjata perang dan kekerasan jasad semata-mata, sedang orang Islam masuk dengan senjata jasmani yang didampingi oleh senjata ruhani.

Bagi orang Islam, apabila jihad jasmani telah selesai dan semua senjata telah diletakkan, di sana dimulainyalah “jihad ruhani” yang mempunyai cara-cara dan senjata yang tersendiri pula.

Maka akan kalahlah satu kaum yang tiada atau lemah “senjata rohaninya” ini, walaupun mereka telah duduk di atas singahsana kekuasaan sekalipun. Bangsa Jerman itu, tidak ada sesuatu senjata

**Bacalah!**

**Baharu terbit**

# **KHALID IBNU WALID**

Oleh

**ABDULLAH BASMEH**

**Riwayat hidup**

**Pahlawan Islam yang terbilang**

Senaskah \$1.50 pos 10 sen

Pintalah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura.**

yang dapat menangkis agama Kristian bangsa Rom, tetapi bangsa Arab mempunyai kekuatan semangat yang berkobar-kobar dari satu kepercayaan yang baharu – (demikian Profesor Henri Pirrene memberi kesimpulan).

Senjata ruhani inilah yang menyebabkan kita orang Timur, yang walaupun bagaimana hatinya ditindas oleh bangsa Barat, tetapi tetap tidak dapat dihancurleburkan kebudayaan dan peradaban kita oleh mereka hingga hari ini.

Tetapi, orang Barat pun sekarang mempunyai kedua macam senjata itu pula, yakni “senjata jasmani” dan...., “senjata ruhani” yang berupa agama. Maka akan lebih-lebih hancur leburlah satu bangsa apabila di samping mereka tidak mempunyai kekuatan, sudah hilang pula senjata ruhani yang ada dalam dada mereka, sebagaimana orang Jerman hancur lebur ditelan oleh kebudayaan Rom dalam riwayat itu.

#### **Charlemagne (Charlemagne)**

Di manakah terletaknya kebesaran Carleming itu? Tidak lain ialah kerana raja yang besar ini faham bahawa senjata ruhani tidak dapat ditaklukkan dengan pedang terhunus, akan tetapi harus dilawan dengan senjata ruhani pula. Maka dikerahkannya askarnya menahan serangan Islam, bukan sahaja dengan menghadapi tentera Islam di medan perang tetapi juga dengan menyusun badan penyar agama Kristian yang teratur. Didirikannya badan-badan pendidikan Kristian, diperintakkannya rakyatnya memeluk agama Kristian dengan seberapa segeranya bahkan kalau mustahak, dengan paksa!

Semenjak itulah baharu boleh disebutkan ada perubahan besar di dunia Barat, dan pada saat itulah permulaan zaman tengah, - demikian pendapat Profesor Henri Pirrene. Ditutupnya pemandangannya tentang ini dengan



Agama Islam telah diisytiharkan menjadi agama rasmi negara Persekutuan Tanah Melayu yang telah berjaya mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Oleh itu jangan berlenggah lagi daripada memasuki barisan persahabatan “Ikhwan” yang bercita-cita dan sedang berusaha mengembangkan Islam dan kebudayaannya.

katanya:

“Oleh kerana itu adalah satu kebenaran yang tak dapat dibantah lagi, bahawasanya kalau sekiranya tidak ada Muhammad, tak dapatlah dibayangkan akan adanya Charlemagne...!”

Agaknya berlainan terdengarnya pendapat yang berdasarkan penyelidikan yang jujur dan penuh keberanian yang dikemukakan oleh seorang ahli at Tarikh seperti Henri Pirrene ini, dari suara-suara yang kerap kali terdengar oleh kita dari pihak ahli-ahli sejarah selama ini.

(Dari buah Qalam Tuan Haji Muhammad Natsir, ketua Umum Masyumi).